

LAMPIRAN

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN RIANG RIA SEMARAK CINTA RASUL

SYARAT-SYARAT UMUM PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua anak-anak kakitangan UMS dan masyarakat sekitar UMS serta sekolah-sekolah jemputan;
2. Pakaian hendaklah menutup aurat dan mengikut kesesuaian;
3. Pengajur berhak menolak atau membatalkan sebarang penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan sepanjang pertandingan tersebut berlangsung;
4. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko termasuk kemalangan dan kerugian yang dialami oleh peserta semasa pertandingan ini dijalankan;
5. Segala perbelanjaan/kos persiapan adalah ditanggung oleh peserta;
6. Yuran Penyertaan bagi setiap kategori pertandingan adalah RM5.00 bagi setiap peserta; dan
7. Pihak Urusetia berhak untuk membatal atau meminda hadiah/pertandingan ini jika sekiranya perlu berbuat demikian.

A - SYARAT-SYARAT PERYERTAAN MEWARNA

1. Pertandingan ini dibahagikan kepada 3 (tiga) kategori umur seperti berikut;
 - 1.1-Kategori A – 4 hingga 6 tahun;
 - 1.2-Kategori B – 7 hingga 9 tahun; dan
 - 1.3-Kategori C – 10 hingga 12 tahun.
2. Tema mewarna adalah terbahagi kepada kategori umur;
3. Semua peralatan mewarna hendaklah dibawa sendiri oleh peserta ;
4. Pihak urusetia hanya menyediakan kertas lukisan untuk diwarnakan sahaja ;
5. Masa mewarna diperuntukkan adalah 1 (Satu) jam;
6. Keputusan pengadil adalah muktamad;
7. Aspek yang dinilai:-
 - 7.1 - Kualiti produk mewarna secara keseluruhan – 20%
 - 7.2 - Kreativiti – 45%
 - 7.3 - Kebersihan dan kekemasan – 20%
 - 7.4 - Ketepatan warna yang digunakan – 15%

B – SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN FESYEN ISLAMIK

1. Pertandingan ini terbahagi kepada 3 (Tiga) kategori umur seperti maklumat berikut;
 - 1.1-Kategori A – 4 hingga 6 tahun;
 - 1.2-Kategori B – 7 hingga 9 tahun; dan
 - 1.3-Kategori C – 10 hingga 12 tahun.
2. Peserta bebas untuk memilih busana masing-masing dan bertemakan pakaian Islam ;
3. Pakaian mestilah menutup aurat ;
4. Masa peragaan dan persembahan adalah 2 minit sahaja;
5. Keputusan pengadil pertandingan adalah muktamad.

MAKLUMAN

1. Pertandingan ini akan diadakan di Masjid UMS pada **2HB DISEMBER 2017 (SABTU)**;
2. Borang penyertaan hendaklah difakskan atau dihantar sendiri (bersama yuran pendaftaran) ke alamat :

URUSETIA

**Pertandingan Riang Ria,
Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS 2017/1439H,
Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.**
(U/P.: Ustazah Salinah Ramlee)

No. Fax : 088-320736

3. Peserta boleh menghubungi talian berikut untuk maklumat lanjut :
Tel : 088-320 000 – etx : 2730 / H/P: 019-8421030 (Ustazah Salinah Ramli)
Tel : 088-320 000 – etx : 2734 / H/P: 013-8306744 (Ustazah Noorisah Taljid)
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30HB NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**;
5. Yuran penyertaan dikenakan bayaran sebanyak **RM5.00 TERMASUK 6% GST (RINGGIT MALAYSIA LIMA SAHAJA)** bagi setiap aktiviti dan bayaran hendaklah dijelaskan semasa menghantar borang penyertaan.
6. Sila lengkapkan borang penyertaan.

HADIAH UNTUK SETIAP KATEGORI

Hadiah Pertama : Wang Tunai RM70.00, trofi dan sijil
Hadiah Ke-Dua : Wang Tunai RM50.00, trofi dan sijil
Hadiah Ke-Tiga : Wang Tunai RM30.00 trofi dan sijil